

BERITA HARIAN

DATE: 29/5/2008

Pak Lah pertahan Zaid

BH - 29/5/2008

Pelantikan sebagai menteri kekal, tak perlu dikaji semula: PM

Oleh Azman Zakaria,
Abdul Halim Yusoff, Magendran
Rajagopal, Nazura Ngah
dan Sazarina Shahrin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan pelantikan Datuk Zaid Ibrahim sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri adalah kekal dan tidak perlu dikaji semula.

"Tak ada (kajian semula)," katanya pada sidang media selepas dikunjungi bekas Ketua Pemuda Parti Keadilan Rakyat (PKR), Mohamad Ezam Mohd Nor di Pejabat Perdana Menteri di Parlimen, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya saranan Ahli Parlimen Pasir Salak, Datuk Tajuddin Abdul Rahman ketika membahaskan Rang Undang-Undang Pembekalan (2007) 2008

di Dewan Rakyat kelmarin supaya Perdana Menteri menilai semula pelantikan Zaid yang dianggapnya tidak bertanggungjawab.

Ia berikutan kenyataan Zaid pada 24 Mei lalu di Kota Bahru yang mendakwa Tajuddin dan Ahli Parlimen Jerlun, Datuk Mukhriz Mahahtir membuat kenyataan membawa maksud menghina Perdana Menteri atau menentang dasar kerajaan semasa penggulungan perbahasan usul terima kasih titah Yang di-Pertuan Agong, dua hari sebelum itu.

Isu itu bermula ketika Tajuddin cuba mencelah ketika Zaid menggulung perbahasan, tetapi tidak dibenarkan ruang sehingga beliau dilaporkan mempersoalkan sama ada Zaid menteri kerajaan atau menteri pembangkang.

Ditanya apa akan berlaku selepas

ini kerana perang mulut masih berterusan kerana Zaid semalam mengulangi gesaan supaya tindakan dikenakan terhadap Mukhriz dan Tajuddin, Perdana Menteri berkata, selepas ini mereka akan berbaik semula.

"Ini pasal teguran... kita ahli Umno, termasuk juga Ahli Parlimen kadangkang buat teguran terhadap parti, terhadap dasar parti pun ada juga. Dalam amalan kita sekarang bukanlah itu menjadikan ia sebagai satu perkara yang kita perlu ambil tindakan terhadap mereka," katanya.

Beliau berkata, parti boleh memberi peringatan dan teguran jika fakta dan maklumat yang digunakan dalam membuat teguran berkenaan salah atau berbentuk negatif serta cuba menimbulkan perkara tidak baik.

"Tetapi jika setakat kata dasar kurang kemas dan perlu diperkemas, itu tak ada masalah langsung. Kalau (kritikan) membina tak apa," katanya.

Ketika ditanya sama ada beliau ada menerima laporan daripada Badan Pencegah Rasuah (BPR) dari Sabah dan Sarawak mengenai kemungkinan ada wakil rakyat dari negeri itu melompat ke parti lain, Abdullah berkata, beliau belum menerimanya.

"Boleh jadi pihak berkenaan nak kaji dan baca dulu sebelum beri kepada saya," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Pusat juga belum membuat apa-apa keputusan berhubung permintaan Menteri Besar Terengganu, Datuk Ahmad Sa'id supaya Kerajaan Pusat memberi hak pengurusan wang royalti minyak kepada negeri itu.